

Headline	<b>Wujudkan pusat jagaan pesakit AIDS Islam</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>12 Aug 2009</b>	Page No	<b>14</b>
MediaTitle	<b>Kosmo</b>	Article Size	<b>59 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Negara</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	PRValue	<b>817</b>
Frequency	<b>Daily</b>		
ADValue	<b>272</b>		



# Wujudkan pusat jagaan pesakit AIDS Islam

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan disaran mewujudkan Pusat Jagaan HIV/AIDS khusus untuk penghidap beragama Islam bagi memastikan mereka mendapat bimbingan dan tidak terbiar.

Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Datuk Nooh Gadot berkata, penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam dalam penjagaan pesakit HIV/AIDS beragama Islam masih kurang manakala ramai pesakit beragama Islam meninggal dunia di pusat-pusat penjagaan yang dikendalikan pihak bukan Islam.

“Kebanyakan penghidap HIV dan AIDS ini daripada golongan penagih dadah, jadi mereka ini perlu diberikan perhatian supaya mereka kembali ke pangkal jalan.

“Cara terbaik untuk membantu golongan ini ialah dengan pendekatan Islam yang boleh menginsafkan mereka,” katanya kepada **Bernama** di sini semalam.

Beliau sebelum itu membentangkan kertas kerja bertajuk 'Epidemik HIV/AIDS: Peranan Ulama, Bersama Kita Menyelesaiannya' pada Muzakarah Ulama Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) Ke-20.